



SIARAN AKHBAR

LAWATAN KETIGA

**SESI LAWATAN
YANG BERTHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA
KE TAPAK-TAPAK PERUSAHAAN PERTANIAN, PERHUTANAN DAN PELANCONGAN,
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN DI DAERAH TEMBURONG**

Temburong, Rabu, 27 Januari 2021M - Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hari ini melawat beberapa lokasi tapak perusahaan serta kegiatan yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pertanian, perhutanan dan pelancongan di Daerah Temburong, iaitu sebagai lanjutan dari sesi lawatan ke Daerah Belait yang telah diadakan pada hari Rabu, 20 Januari 2021 dan ke Daerah Tutong pada hari Isnin, 25hb Januari 2021 yang lalu. Lawatan hari ini merupakan siri lawatan yang ketiga yang diaturkan oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, yang bertujuan bagi mengongsikan dan seterusnya memberikan kefahaman serta memberigakan mengenai dengan perkembangan dan pencapaian terkini aktiviti-aktiviti atau kegiatan-kegiatan perusahaan yang berkaitan dengan industri pertanian, perhutanan dan pelancongan di Daerah Temburong. Program lawatan kerja ini juga diaturkan bagi memberikan pendedahan kepada Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara mengenai dengan penglibatan anak-anak tempatan dalam perusahaan dan aktiviti-aktiviti perekonomian berkaitan bidang pertanian, perhutanan dan pelancongan, samada sebagai pemilik secara persendirian ataupun usahasama (*joint-venture*) dengan pengusaha-pengusaha asing; dan juga peluang-peluang pekerjaan yang disediakan kepada anak-anak tempatan.

Seramai 16 orang rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah menyertai program lawatan ini, yang mana disertai sama oleh Yang Mulia Dayang Hajah Tutiatty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut menyertai lawatan tersebut ialah Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohd Ali dan Yang Mulia Awang Mohd Yusree bin Hj Junaidi, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; serta Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai kanan yang berkenaan dari Kementerian dan juga Jabatan-Jabatan di dalamnya.

Lawatan pertama rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dimulakan di **Taman Rekreasi Hutan (TRH) Bukit Patoi** yang terletak di kawasan Hutan Simpan Peradayan. Tapak ini dibukakan kepada orang ramai pada tahun 1997 dan merupakan salah satu taman rekreasi hutan di bawah kawalan Jabatan Perhutanan. TRH Bukit Patoi yang berkeluasan 1,073 hektar ini dilengkapi dengan beberapa kemudahan untuk pengunjung antaranya seperti surau, pondok rehat, tempat BBQ, tandas awam, kawasan letak kereta dan termasuklah trek laluan hutan. Pada tahun 2020, seramai lebih kurang 6,595 orang telah berkunjung ke taman ini. Semasa lawatan di TRH Bukit Patoi, rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga berkesempatan mendengar taklimat serta penerangan mengenai dengan cadangan bagi projek pembinaan restoran di kawasan tersebut bagi meningkatkan lagi prasarana kemudahan serta daya tarikan Taman Rekreasi Hutan ini, khususnya.



Dari Taman Rekreasi Hutan Bukit Patoi, rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara meneruskan sesi lawatan bagi mendengar penerangan dan taklimat yang berkaitan dengan projek pembinaan eco-resort mewah yang terletak di Kampong Perdayan. Sesi taklimat tersebut telah diadakan di *site office* **Projek Pembangunan Eco Resort Mewah, Kg Perdayan** yang disampaikan oleh wakil dari pihak pengurusan bagi Projek tersebut. Projek pembinaan eco-resort mewah ini telah ditawarkan kepada Syarikat Eco-Green Sdn Bhd pada Januari 2020 bagi membina sebuah penginapan eco-resort mewah di Kampong Perdayan di atas tapak seluas lebih kurang 2 hektar. Antara kemudahan yang akan disediakan di resort ini nanti adalah bilik penginapan, restoran, jeti dan boardwalk, kolam renang, spa dan lain-lain aktiviti rekreasi. Projek telah bermula pada Januari 2020 dan dijangka siap di suku ketiga tahun 2021 ini nanti. Setelah projek ini siap, ianya dijangka akan menyediakan seramai lebih kurang 30 peluang pekerjaan kepada anak tempatan antaranya sebagai *concierge, chef, technicians, housekeeping*, pemandu dan penyambut tetamu.

Rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara seterusnya melawat ke tapak ladang pertanian milik **Syarikat Cropbee Farm** yang terletak di Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Semabat, Mukim Bokok. Rombongan telah menerima taklimat daripada Dayang Siti Nursyazwani binti Haji Awang, Pengurus dan Pemilik Syarikat ini. Syarikat ini telah ditawarkan tapak seluas 20 hektar di bawah projek rintis pada Mei 2019 bagi mengusahakan aktiviti perladangan tanaman buah-buahan bermusim seperti durian, petai, rambutan, langsung duku dan pulasan sebagai tanaman utama, dan juga tanaman buah-buahan tidak bermusim seperti pisang, nenas dan piasau serta sayur-sayuran sebagai tanaman sampingan. Pada tahun lepas, dari hasil tanaman sampingan, pihak syarikat telah berjaya mengeluarkan hasil sebanyak lebih kurang 543 kg bernilai \$2,076.00. Pada masa ini, Syarikat mempunyai 3 orang pekerja yang kesemuanya terdiri dari anak tempatan.

Sesi lawatan di Daerah Temburong ini diakhiri dengan lawatan ke **Freme Rainforest Lodge** yang terletak di atas tanah seluas 0.35 ekar di Kampong Batang Duri. Freme Rainforest lodge adalah merupakan salah satu destinasi pelancongan yang popular di Daerah Temburong. Selain dari kemudahan penginapan, Freme Rainforest Lodge juga menyediakan prasarana-prasarana bagi aktiviti-aktiviti rekreasi seperti *ziplining* dan *rock climbing*. Pada tahun 2020 seramai 4,037 orang telah berkunjung dan menginap di Freme Rainforest Lodge. Pada masa ini Freme Rainforest Lodge mempunyai 14 pekerja tempatan sebagai jurupandu pelancong, *housekeeper* dan pemandu temuai.

Program lawatan bagi Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara akan diteruskan lagi dengan siri lawatan keempat iaitu siri lawatan terakhir bagi tahun ini, iaitu lawatan ke Tapak-Tapak Perusahaan Pertanian di Daerah Brunei Muara yang akan diadakan pada hari Sabtu, 30hb Januari 2021.

/TAMAT.

Dikeluarkan oleh:
Unit Perhubungan Awam
Bahagian Pengurusan dan Kewangan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

Tarikh: 27 Januari 2021